



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH  
URUS SETIA PENGAMBILAN  
DI KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI BANDARAN (B.2 EB.3 / B.2)  
JABATAN BANDARAN TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

**2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI BANDARAN  
JABATAN BANDARAN TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (1)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran Awam atau bidang yang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2**

i) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran Awam atau bidang yang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

ii) Telah berkhidmat di Jabatan Bandaran sebagai Penolong Pegawai Bandaran Tingkat I atau jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Mengetahui Undang-Undang Bandaran dan yang berkaitan dengannya adalah kelebihan.

3. Berkemahiran dalam menggunakan komputer (*Microsoft Words, Microsoft Excel, Microsoft Database, Power Point, Autocad*) adalah kelebihan.

4. Mempunyai Lesen Memandu Kelas Tiga (03) yang sah (tidak masuh).



5. Sebelum layak ditetapkan dalam jawatannya, Pegawai Bandaran dikehendaki lulus peperiksaan berikut:

i. Peperiksaan Jabatan:

- Akta Lembaga-Lembaga Bandaran, Penggal 57 (Municipal Board Acts, Chapter 57)
- Akta Lesen-Lesen Rampaian, Penggal 127 (Miscellaneous Licenses Act, Chapter 127)
- Undang-Undang Kecil Lembaga-Lembaga Bandaran, 1920 (The Municipal Boards Enactment, 1920 By-Laws)

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membantu dan bertanggungjawab kepada Pengerusi / Setiausaha Lembaga Bandaran Tutong dalam melaksanakan tugas-tugas pentadbiran, pengurusan operatif dan penyeliaan di seksyen yang diatitkan kepadanya;
2. Membantu Setiausaha Lembaga Bandaran Tutong bagi aspek pentadbiran, kewangan dan teknikal;
3. Mengawasi Ketua-Ketua Unit;
4. Membuat kerja-kerja penyelidikan dan perancangan terutama dalam hal ehwal inovasi dan penguatkuasaan undang-undang;
5. Urusan-urusan tender dan sebut harga; dan
6. Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.